



MNRB RETAKAFUL BERHAD

... kesinambungan rantaian

berlandaskan Syariah

profil KORPORAT

MNRB Retakaful Berhad (MRT) diperbadankan pada bulan Disember 2006, sebagai sebuah anak syarikat milik penuh MNRB Holdings Berhad (MNRB) dan berdaftar dengan Bank Negara Malaysia sebagai Pengendali Takaful Semula yang pertama di Malaysia pada 1 Ogos 2007. Penubuhan MRT ini merupakan satu lagi usaha bagi meletakkan kumpulan MNRB sebagai sebuah syarikat ternama dalam industri takaful global dan membantu mempromosikan Malaysia sebagai pusat pembangunan industri kewangan Islam yang terkemuka.

VISI

“Untuk menjadi pengendali Takaful Semula terkemuka di seluruh dunia”

MISI

“Menjadi sebuah syarikat penting dalam industri Takaful dan Takaful Semula dengan menawarkan penyelesaian dan nilai tambah kepada para pemegang kepentingan”

OBJEKTIF KORPORAT

- Untuk menjadi satu aliran pendapatan yang stabil bagi Kumpulan MNRB;
- Untuk membantu mempromosi aspirasi MIFC (Malaysia International Islamic Financial Centre);
- Untuk menjadi sebuah penyedia penyelesaian takaful semula yang lengkap; dan
- Untuk membangunkan para profesional takaful semula

STRUKTUR MODAL

Modal Dibenarkan	RM500 juta
Modal Berbayar	RM100 juta

RANGKAIAN PRODUK & PERKHIDMATAN

Perniagaan Takaful Semula Am

- Triti
 - Semua Kelas Seimbang
 - Semua Kelas Tidak Seimbang
- Fakultatif
 - Semua Kelas Seimbang
 - Semua Kelas Tidak Seimbang

- Perniagaan Takaful Semula Nyawa/Keluarga
 - Takaful Semula Individu & Keluarga Berkumpulan
 - Takaful Semula Perubatan Individu & Berkumpulan
 - Takaful Semula Penyakit Kritikal
 - Takaful Semula Gadai Janji
 - Takaful Semula Anuiti
- Perkhidmatan Tambah Nilai:
 - Latihan Pasaran
 - Pembangunan Produk
 - Pengunderaitan Perubatan
 - Kajian Risiko/PML & Perundingan

maklumat KORPORAT

LEMBAGA PENGARAH

SHARKAWI ALIS

Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif

ISMAIL MAHBOB

*Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif
Pengarah Eksekutif Bukan Bebas*

ANUAR MOHD HASSAN

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

DATO' SYED ARIFF FADZILLAH SYED AWALLUDDIN

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

MEGAT DZIAUDDIN MEGAT MAHMUD

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

DATUK MOHD KHALIL DATO' MOHD NOOR

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

YAHAYA BESAH

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

DR. SYED MUSA SYED JAAFAR ALHABSHI

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

SETIAUSAHA-SETIAUSAHA SYARIKAT

Norazman Hashim (*MIA 5817*)
Lena Abd Latif (*LS 8766*)

JAWATANKUASA SYARIAH

Prof. Datuk Dr. Syed Othman
Syed Hussin Alhabshi (*Pengerusi*)
Prof. Dr. Mohamad Sado Al-Jarf
Dr. Mohamed El-Tahir El-Mesawi
Dr. Azman Mohd Noor

JAWATANKUASA AUDIT

Megat Dziauddin Megat Mahmud
(*Pengerusi*)
Dato' Syed Ariff Fadzillah
Syed Awalluddin
Yahaya Besah
Dr. Syed Musa Syed Jaafar Alhabshi

JAWATANKUASA PEMILIHAN

Dato' Syed Ariff Fadzillah
Syed Awalluddin (*Pengerusi*)
Sharkawi Alis
Anuar Mohd Hassan
Datuk Mohd Khalil Dato' Mohd Noor
Dr. Syed Musa Syed Jaafar Alhabshi

JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO

Yahaya Besah (*Pengerusi*)
Dato' Syed Ariff Fadzillah
Syed Awalluddin
Anuar Mohd Hassan
Datuk Mohd Khalil Dato' Mohd Noor

JAWATANKUASA IMBUHAN

Dr. Syed Musa Syed Jaafar Alhabshi
(*Pengerusi*)
Megat Dziauddin Megat Mahmud
Dato' Syed Ariff Fadzillah
Syed Awalluddin
Yahaya Besah

JAWATANKUASA PELABURAN

Datuk Mohd Khalil Dato' Mohd Noor
(*Pengerusi*)
Megat Dziauddin Megat Mahmud
Anuar Mohd Hassan
Ismail Mahbob

JURUAUDIT

Ernst & Young
Tingkat 23A, Menara Milenium
Jalan Damanlela
Pusat Bandar Damansara
Damansara Heights
50490 Kuala Lumpur
Tel : +603 7495 8000
Faks : +603 2098 5332

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 9, Bangunan Malaysian Re
No.17, Lorong Dungun
Damansara Heights
50490 Kuala Lumpur
Tel : +603 2096 7007
Faks : +603 2096 8007
E-mel : enquiry@mnr-retakaful.com.my
Laman Web : www.mnr-retakaful.com.my

profil
PARA PENGARAH



SHARKAWI ALIS, berusia 62 tahun. Warganegara Malaysia. Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif sejak 24 Disember 2007. Ahli Jawatankuasa Pemilihan. Beliau tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan dengan MNRB Retakaful Berhad.

Maklumat lain mengenai profil Sharkawi Alis dinyatakan dalam Profil Pengarah MNRB Holdings Berhad di muka surat 12 Laporan Tahunan ini.



ISMAIL MAHBOB, berusia 58 tahun. Warganegara Malaysia. Ahli Jawatankuasa Pelaburan. Beliau menyertai MNRB Retakaful Berhad (MRT) pada bulan Mei 2007 sebagai Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif yang pertama. Beliau memulakan kerjaya di dalam bidang insurans pada tahun 1977 sebagai Eksekutif Akaun dengan sebuah syarikat broker. Sejak itu, beliau telah berkhidmat dalam beberapa syarikat insurans dan insurans semula dengan menyandang pelbagai jawatan pengurusan kanan. Sebelum beralih ke MRT, beliau telah berkhidmat sebagai Naib Presiden Kanan bagi Labuan Reinsurance (L) Ltd. di mana beliau bertanggungjawab membangunkan pasaran baru yang meliputi negara-negara benua kecil India, Afrika dan wilayah MENA (Timur Tengah dan Afrika Utara). Beliau turut mengawasi penglibatan perniagaan Syarikat di Lloyd's dan mengetuai bahagian Takaful Semula.

profil para pengarah



ANUAR MOHD HASSAN, berusia 56 tahun. Warganegara Malaysia. Pengarah Bebas Bukan Eksekutif sejak 27 Disember 2006. Ahli Jawatankuasa Pelaburan, Jawatankuasa Pemilihan dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko. Beliau tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan dengan MNRB Retakaful Berhad.

Maklumat lain mengenai profil Anuar Mohd Hassan dinyatakan dalam Profil Pengarah MNRB Holdings Berhad di muka surat 12 Laporan Tahunan ini.



DATO' SYED ARIFF FADZILLAH SYED AWALUDDIN, berusia 65 tahun. Warganegara Malaysia. Pengarah Bebas Bukan Eksekutif sejak 6 Ogos 2007. Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan dan ahli Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Jawatankuasa Imbuan. Beliau tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan dengan MNRB Retakaful Berhad.

Maklumat lain mengenai profil Dato' Syed Ariff Fadzillah Syed Awaluddin dinyatakan dalam Profil Pengarah MNRB Holdings Berhad di muka surat 13 Laporan Tahunan ini.



MEGAT DZIAUDDIN MEGAT MAHMUD, berusia 63 tahun. Warganegara Malaysia. Pengarah Bebas Bukan Eksekutif sejak 6 Ogos 2007. Pengerusi Jawatankuasa Audit, ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Imbuan. Beliau tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan dengan MNRB Retakaful Berhad.

Maklumat lain mengenai profil Megat Dziauddin Megat Mahmud dinyatakan dalam Profil Pengarah MNRB Holdings Berhad di muka surat 14 Laporan Tahunan ini.

profil para pengarah



DATUK MOHD KHALIL DATO' MOHD NOOR, berusia 68 tahun. Warganegara Malaysia. Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif sejak 21 Mac 2008. Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, ahli Jawatankuasa Pemilihan dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko. Beliau tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan dengan MNRB Retakaful Berhad.

Maklumat lain mengenai profil Datuk Mohd Khalil Dato' Mohd Noor dinyatakan dalam Profil Pengarah MNRB Holdings Berhad di muka surat 14 Laporan Tahunan ini.



YAHAYA BESAHA, berusia 58 tahun. Warganegara Malaysia. Pengarah Bebas Bukan Eksekutif sejak 4 Julai 2008. Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Risiko, ahli Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Imbuan.

Beliau merupakan lulusan daripada Universiti Sains Malaysia dengan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dan pernah menyandang jawatan pengarah di Pejabat Ketua Pengarah Insurans, Perbendaharaan Persekutuan dari tahun 1975 hingga 1988. Beliau menyertai Bank Negara Malaysia pada tahun 1988 dan bertugas di beberapa jabatan berkaitan insurans sepanjang tempoh perkhidmatannya. Beliau merupakan bekas Pengarah Bahagian Penyeliaan Insurans dari tahun 1975 hingga 1988 dan pernah menyandang jawatan Pengarah Audit Dalaman di Bank Negara Malaysia dari tahun 1998 hingga 2005. Jawatan terakhir beliau di Bank Negara Malaysia adalah sebagai Pengarah Projek Khas (Insurans Deposit) sebelum bersara pada tahun 2006.

Beliau tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan dengan MNRB Retakaful Berhad.



DR. SYED MUSA SYED JAAFAR ALHABSHI, berusia 48 tahun. Warganegara Malaysia. Pengarah Bebas Bukan Eksekutif sejak 23 Julai 2008. Pengerusi Jawatankuasa Imbuan, ahli Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Pemilihan.

Beliau berkelulusan Diploma Pengajian Perniagaan daripada Ngee Ann Polytechnic, Singapura pada tahun 1984, memegang Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada tahun 1989 dan menamatkan Ijazah Kedoktoran Pentadbiran Perniagaan dalam jurusan Perakaunan dan Kewangan daripada University of Strathclyde, Glasgow, United Kingdom pada tahun 1994.

Beliau memulakan kerjaya dengan Coopers & Lybrand, Singapura sebagai penolong Audit pada tahun 1984. Dari tahun 1989 hingga 1994, beliau menyertai Universiti Islam Antarabangsa sebagai Penolong Pensyarah dan meneruskan kerjaya sebagai ahli akademik dengan menyandang pelbagai jawatan di beberapa jabatan. Dari tahun 2001 hingga 2006, beliau menyertai Universiti Tun Abdul Razak sebagai Ketua Pusat Pengajian Lepas Ijazah, Profesor Madya dan Dekan di Fakulti Pentadbiran Perniagaan. Pada tahun 2006 beliau menyertai Amanie Business Solutions Sdn. Bhd. dan kini merupakan Perunding Utama Syarikat tersebut.

Beliau tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan dengan MNRB Retakaful Berhad.

profil ahli jawatankuasa SYARIAH



PROF. DATUK DR. SYED OTHMAN SYED HUSSIN ALHABSHI (*Pengerusi*)

Prof. Datuk Dr. Syed Othman Syed Hussin Alhabshi, berusia 65 tahun. Memiliki Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) pengkhususan Statistik daripada Universiti Malaya (1969) dan Sarjana Sains (Statistik) daripada University of Wisconsin, Amerika Syarikat (1973). Beliau menamatkan pengajian peringkat Ph.D (Ekonometriks) daripada University of Birmingham, UK pada tahun 1983.

Beliau memulakan kerjaya sebagai guru pelatih di Sek. Men. Keb. Masjid Tanah, Melaka (1965 – 1966) dan kemudian sebagai guru berijazah di Sek. Men. Abdul Rahman Talib, Kuantan, Pahang (1969). Beliau pernah berkhidmat sebagai Pengurus, Skim Pemasaran Padi & Beras di Lembaga Padi & Beras pada tahun 1969 sebelum berkecimpung sebagai seorang ahli akademik pada tahun yang sama.

Sejak itu, beliau telah berkhidmat dalam pelbagai kapasiti bidang akademik di lima universiti tempatan



1	2
---	---

1. Prof. Datuk Dr. Syed Othman Syed Hussin Alhabshi
2. Prof. Dr. Mohammad Sado Al-Jarf

iaitu sebagai pensyarah di Universiti Malaya (1969-1970); tutor, pensyarah dan Profesor Madya di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) (1970 – 1983); Profesor Madya dan Profesor Ekonomi di Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia (UIAM) (1983 – 1987). Beliau pernah dipinjamkan sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik) di Universiti Utara Malaysia (UUM) (1987 – 1990) dan kemudian kembali ke UIAM untuk tempoh 2 tahun sebelum menyandang jawatan Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia, IKIM. Sebelum bersara pada tahun 2005, beliau juga adalah Presiden pengasas dan CEO Universiti Tun Abdul Razak. Beliau berkhidmat sebagai ahli Lembaga Penasihat Syariah bagi pelbagai organisasi termasuk Singapore Unit Trusts Global Ethical Fund (sejak 2003), Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) (sejak 2005), Labuan Re dan Mayban Unit Trust Bhd (sejak 2006).

Beliau kini adalah Profesor Ekonomi & Ekonometriks Islam & Ketua Jabatan Takaful, Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF), Malaysia.

PROF. DR. MOHAMMAD SADO AL-JARF

Prof. Dr. Mohammad Sado Al-Jarf, berusia 50 tahun. Memiliki Ijazah Sarjana Muda Syariah (Fiqh & Usul Fiqh) daripada Universiti King Abdul Aziz, Mekah, Arab Saudi pada tahun 1978. Beliau juga memperolehi Ijazah Sarjana Ekonomi Islam pada tahun 1983 dan menamatkan pengajian Ph.D dalam bidang Ekonomi Islam pada tahun 1989 daripada Universiti Umm Al-Qura.

Beliau memulakan kerjaya di Universiti Umm Al-Qura sejak tahun 1988 sebagai Penolong Profesor Jabatan Ekonomi Islam. Sebelum dilantik sebagai Profesor di Jabatan Ekonomi Islam yang disandang sekarang, beliau adalah Profesor Madya di Universiti Umm Al-Qura sehingga tahun 2001. Bidang kepakaran beliau adalah Insurans, Ekonomi Mikro & Makro, Wang, Pembiayaan & Perbankan serta E-perniagaan. Beliau turut aktif menulis buku, artikel dan membentangkan kertas kerja untuk pelbagai Persidangan dan Simposium Antarabangsa.

Beliau kini bertugas sebagai Profesor Ekonomi Islam, Fakultatif Syariah Islam di Universiti Umm Al-Qura, Mekah, Arab Saudi.

profil ahli jawatankuasa **syariah**



3	4
---	---

- 3. Dr. Mohamed El-Tahir El-Mesawi
- 4. Dr. Azman Mohd Noor

DR. MOHAMED EL-TAHIR EL-MESAWI

Dr. Mohamed El-Tahir El-Mesawi, berusia 52 tahun. Beliau adalah lulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi daripada Universiti Islam Omdurman, Sudan pada tahun 1989. Beliau turut memperolehi Ijazah Sarjana Ilmu Wahyu daripada UIAM pada tahun 1994 dan menamatkan Ph.D dalam bidang Ilmu Wahyu dan Warisan pada tahun 2003.

Beliau memulakan kerjaya sebagai Pembantu Penyelidik di Institut Penyelidikan dan Pengajian Sosial (dari tahun 1988 – 1990) sebelum menyertai Dewan Pustaka Ilmu sebagai Penterjemah dan Editor (1992 – 1993).

Pada tahun 1994, beliau menyandang jawatan Pengarah Urusan Islamiyat Al-Ma’rifah (dipinjamkan daripada UIAM) dan berkhidmat sebagai pensyarah di UIAM selama beberapa tahun sebelum dilantik sebagai Penolong Profesor pada tahun 2004, jawatan yang terus beliau sandang sehingga kini.

DR. AZMAN MOHD NOOR

Dr. Azman Mohd Noor, berusia 35 tahun. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Syariah daripada Islamic University of Madinah, Arab Saudi (1992 – 1997), Sarjana Syariah (pengkhususan dalam Undang-Undang Jenayah Islam) daripada

Universiti Kebangsaan Malaysia (1997 – 2000). Beliau mendapat Sarjana Fiqh (pengkhususan dalam Undang-Undang Tranksaksi Islam) daripada Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia (UIAM) (1998 – 2001). Beliau menamatkan Ph.D dalam bidang pengajian Islam dengan pengkhususan dalam Undang-Undang Jenayah Islam daripada University of Edinburgh, Scotland (2001 – 2005).

Beliau kini bertugas sebagai pensyarah di Jabatan Fiqh dan Usul Al-Fiqh, UIAM sejak tahun 2005. Pada tahun 2006, beliau telah dilantik sebagai Penasihat Syariah di Bank Al-Rajhi, Malaysia dan terus menyandang jawatan tersebut hingga kini.

kumpulan
PENGURUSAN

President & Ketua Pegawai Eksekutif	:	Ismail Mahbob Diploma in Marketing
Naib Presiden Kanan	:	Nor Azman Nusi Diploma in Associate General Studies

PENOLONG NAIB PRESIDEN

Perkhidmatan Korporat	:	Zaharan Abdul Aziz MBA (Finance), CFP ^{CERT} ™
Pengunderait Takaful Semula Triti (Am)	:	Abdul Aziz Hasan ACII (UK), AMII
Pengunderait Takaful Semula Fakultatif (Am)	:	Shahril Jefry Jaafar B. Eng. (Electrical Engineering)
Pengunderait Takaful Semula Keluarga	:	Zulrashidi Mohamed BBA (Hons.) Insurance



Operasi harian MNRB Retakaful Berhad diamanahkan kepada Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif, **ISMAIL MAHBOB** yang dibantu oleh Nor Azman Nusi.

NOR AZMAN NUSI

Nor Azman Nusi adalah Naib Presiden Kanan bagi MNRB Retakaful Berhad. Beliau memiliki kelulusan Diploma dalam Associate General Studies daripada Indiana University, Amerika Syarikat dan kemudiannya melanjutkan pelajaran dalam Matematik dan Statistik di University of Georgia, Athens, Amerika Syarikat.

Beliau memulakan kerjaya di Hannover Rückversicherungs, cawangan Malaysia pada tahun 1992. Beliau telah berkhidmat selama 8 tahun di syarikat tersebut, di mana beliau banyak didedahkan dengan semua aspek Perakaunan dan Pengunderaitan Insurans Semula. Daripada seorang pengunderait, beliau menerokai industri pembrokeran insurans semula untuk tempoh 7 tahun yang berikutnya, beliau telah berkhidmat dengan 3 broker insurans semula profesional, iaitu, Aon Re Malaysia, Guy Carpenter, Labuan dan BMS Asia Intermediaries Ltd. Beliau pernah menerajui BMS Asia Retakaful Broking Company sebelum menyertai MNRB Retakaful Berhad pada bulan Januari 2007.



1. Ismail Mahbob
2. Nor Azman Nusi



PORTFOLIO PERNIAGAAN

MNRB Retakaful

Takaful Semula Am



Kelas	2009		2008	
	RM'000	%	RM'000	%
Kebakaran	14,765	65	5,998	57
Motor	2,608	12	168	2
Kemalangan Pelbagai	4,377	19	4,016	38
Marin	929	4	339	3
Jumlah	22,679	100	10,521	100

Takaful Semula Keluarga

	2009			
	Keluarga		Perubatan	
	Individu	Kumpulan	Individu	Kumpulan
Caruman Kasar	RM490,420	-	-	-